



SIARAN AKHBAR

TINJAUAN EKONOMIK DAN PELABURAN (ECONOMIC AND INVESTMENT OUTLOOK) 2024

Khamis, 13 Rejab 1445H bersamaan dengan 25 Januari 2024M

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menganjurkan sesi Tinjauan Ekonomik dan Pelaburan (Economic and Investment Outlook) 2024 pada hari Khamis, 25 Januari 2024 di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.
2. Sesi ini telah dihadiri seramai lebih 260 peserta daripada pelbagai organisasi, termasuk bahagian-bahagian di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, serta agensi-agensi lain, institusi-institusi kewangan dan institusi-institusi pengajian tinggi tempatan.
3. Acara yang bertemakan “Kehidupan Dalam Dunia Yang Rapuh, Cemas, Tidak Linear, dan Sukar Difahami [BANI]” ini membawakan pembentang-pembentang daripada sektor kerajaan, swasta, dan akademik untuk mengongsikan dan bertukar-tukar pandangan mengenai tren dan perkembangan ekonomi dan pasaran serta meneliti tinjauan bagi tahun 2024 dan juga tahun-tahun yang terdekat.
4. Sesi dimulakan dengan kata alu-aluan oleh Mardini bin Haji Eddie, Penolong Pengarah Urusan, Operasi Monetari di BDCB. Beliau menekankan bagaimana persekitaran yang cepat berubah, yang sebelum ini digambarkan sebagai VUCA (Volatiliti, Ketidakpastian, Kompleksiti, dan Ambiguiti), kini telah berkembang kepada akronim baharu, iaitu BANI (Rapuh, Cemas, Tidak Linear, dan Sukar Difahami). Ini diakibatkan oleh pelbagai krisis yang telah berlaku beberapa tahun kebelakangan seperti perubahan iklim, pandemik COVID-19, ketidakstabilan kewangan, dan ketegangan geopolitik. Beberapa contoh perkembangan ekonomi dan kewangan di pasaran yang telah berlaku pada tahun 2023 yang dicirikan sebagai BANI juga telah dikongsikan, termasuk kemungkinan kemelesetan ekonomi, kegagalan beberapa bank, dan tanda-tanda keresahan pasaran. Walau bagaimanapun, bank-bank pusat dan pihak pengawalselia telah mengambil tindakan pantas untuk meredakan gangguan-gangguan bagi mengembalikan keyakinan.
5. Acara seterusnya diikuti dengan pembentangan oleh Richard Ellis, Pakar Perbankan, BDCB, yang menggariskan kepentingan ketelusan serta penggubalan dan pelaksanaan peraturan dan garis panduan yang lebih jelas untuk meningkatkan kedayatahanan sektor kewangan. Beliau juga menekankan pasaran adalah terdedah kepada ketidakstabilan serta pengaruh media sosial yang dapat mengurangkan keberkesanan dan kebolehramalan pasaran. Berikutnya ini, pengawalselia dan penyelia kewangan memainkan peranan yang sangat penting dalam mengekalkan kestabilan dan kecekapan pasaran kewangan.

6. Berikut ini, acara diteruskan dengan sesi panel yang mana ahli-ahli panel terdiri daripada Noor Bazilah binti Madanie, Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Raymond Cheng, Ketua Pegawai Pelaburan, Standard Chartered Bank; Profesor Ahmed Masood Khalid, Sekolah Perdagangan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam; dan Muhammad Bazli bin Haji Ghani, Associate, Agensi Pelaburan Brunei. Moderator bagi sesi panel ini ialah Abigail Leong Tze Fong, Associate, Perkembangan Kewangan, BDCB
7. Panel tersebut membincangkan cabaran ekonomi global kritikal, khususnya penurunan pertumbuhan ekonomi secara meluas, dan kesannya terhadap Negara Brunei Darussalam. Perbincangan juga menyentuh mengenai kebimbangan makroekonomi dan mengkaji *megatrend* dalam pelaburan. Seterusnya, panel memberi pandangan bagaimana untuk menelusuri kerumitan dalam sektor kewangan yang sentiasa berubah, terutamanya dalam bidang kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* (AI), perubahan iklim, dan ketegangan geopolitik. Ahli panel juga memberikan gambaran menyeluruh mengenai tren yang membentuk strategi pelaburan semasa, sambil menekankan kepentingan penyesuaian sewajarnya berikutan gangguan BANI.
8. Panel juga menekankan kepentingan kepelbagaian yang strategik untuk mendorong pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Cabaran-cabarannya tertentu kepada ekonomi domestik juga dikongsikan seperti kebergantungan yang tinggi kepada sektor minyak dan gas, kekangan berkaitan pasaran tempatan yang kecil, kebergantungan kepada impot, dan risiko berikutan ketegangan geopolitik. Beberapa cadangan juga diberikan untuk memperkuatkukan kedayaatahanan bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan, sambil menekankan kepentingan keupayaan untuk mengatasi pelbagai cabaran. Ahli panel kemudian mengetengahkan keperluan untuk memastikan inisiatif-inisiatif yang dirancang dapat dicapai dengan penglibatan dan kerjasama daripada pihak-pihak berkepentingan.
9. Tinjauan Ekonomik dan Pelaburan (Economic and Investment Outlook) ini adalah satu daripada acara yang dianjurkan oleh BDCB untuk merangsang dialog dan bertukar-tukar pandangan mengenai topik seperti pertumbuhan dan pembangunan ekonomi serta pasaran kewangan.

Brunei Darussalam Central Bank

Ref: BDCB/COMMS/3
Date: 25 Rejab 1445H / 6 Februari 2024